

INTEGRASI ETNIK DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM

Ringkasan Eksekutif

1.0 Pengenalan

- 1.1 Rakyat Malaysia terdiri daripada lebih 200 kaum, dengan pelbagai amalan, budaya dan agama.
- 1.2 Dalam tiga dekad terakhir ini, Malaysia mengalami pembangunan dan transformasi sosial dan ekonomi yang pesat.
- 1.3 Beberapa aspek pengurusan dan pentadbiran negara ini perlu diberi perhatian jika Malaysia ingin mengekalkan kemakmuran dan kesejahteraan yang dicapai sekarang ini.

2.0 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:-

- 2.1 Mengukur integrasi kaum di kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dengan cara:-
 - 2.1.1 mengenal pasti batas etnik,
 - 2.1.2 mengenal pasti identiti kebangsaan, perkongsian pendapat, dan etos bangsa Malaysia, dan
 - 2.1.3 memerhatikan bentuk dan intensiti perhubungan antara kumpulan etnik semasa kegiatan pembelajaran, kokurikulum dan kehidupan di kampus.
- 2.2 Meneliti kedinamikan etnisiti sebagai salah satu faktor penyebab polarisasi dengan cara:-
 - 2.2.1 mengenal pasti faktor utama yang menjadi penyumbang kepada gejala polarisasi kaum di IPTA.
- 2.3 Mengenal pasti hubung kait polarisasi etnik dengan pengurusan universiti dengan cara:-
 - 2.3.1 mengkaji dasar, program, dan pelaksanaannya di kalangan pentadbir dan staf/ahli akademik.

3.0 Masalah Kajian

- 3.1 Perbezaan etnik dan agama memisahkan pelajar
- 3.2 Batas etnik tebal
- 3.3 Hubungan etnik terpisah dan terasing
- 3.4 Integrasi etnik di kalangan pelajar IPTA tidak terbina
- 3.5 Ikatan kewarganegaraan dan etos bangsa longgar
- 3.6 Pengaruh persekitaran sosial di sekolah dan keluarga
- 3.7 Kelemahan pengurusan IPTA dalam menguruskan masyarakat pelbagai kaum di kampus
- 3.8 Kekurangan dasar dan program pendidikan tinggi dalam masyarakat pelbagai etnik

4.0 Skop Kajian

- 4.1 Sembilan IPTA dan dua Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) telah dipilih untuk dijadikan perbandingan dengan sembilan IPTA tersebut.

- 4.2 Pelajar di IPTA.
- 4.3 Pemilihan universiti berdasarkan ciri strata sosial yang telah ditentukan.

5.0 Faedah Kajian

- 5.1 Kajian perlu dilaksanakan untuk mengukur arah tuju perpaduan dalam negara bagi menjamin kemakmuran dan kesejahteraan.
- 5.2 Kajian ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dengan terbinanya satu gagasan kerangka pemikiran konsep, teori, dan pengukuran sikap dan tingkah laku etnik.
- 5.3 Kajian juga dapat mengenal pasti arah dan tahap perubahan batas etnik di kalangan pelajar. Hal ini memudahkan pihak Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan Kementerian Pengajian Tinggi menggubal dasar dan program demi memperkukuh ikatan perpaduan kaum di kampus dan negara ini.
- 5.4 Hasil kajian dapat dijadikan asas oleh para akademik, media, dan pemimpin masyarakat untuk menjana perubahan pemikiran masyarakat tanpa mengira kaum.

6.0 Signifikan Kajian

- 6.1 Kajian harus dilakukan untuk memastikan keadaan integrasi kaum di kalangan pelajar IPTA kini.
- 6.2 Kajian ini perlu dilaksanakan memandangkan semenjak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) banyak perubahan dan unsur baru yang telah mengubah masyarakat secara umumnya.
- 6.3 Secara langsung atau tidak, kajian ini boleh memberi kesan terhadap hubungan antara kaum, sama ada di IPTA ataupun dalam masyarakat amnya.
- 6.4 Diharap kajian ini akan membuka ruang penyelidikan baru, terutamanya penyelidikan berbentuk aplikasi, tentang perhubungan kaum, bukan sahaja di IPTA tetapi juga dalam masyarakat.

7.0 Pendekatan Kajian

Pendekatan yang digunakan untuk mengumpul data dalam kajian ini ialah :-

- 7.1 Soal selidik
- 7.2 Percambahan fikiran dalam bentuk bengkel
- 7.3 Temu bual kumpulan fokus di kalangan pelajar
- 7.4 Pemerhatian aspek kehidupan tertentu di kalangan pelajar
- 7.5 Profil sejarah hidup pelajar terpilih

8.0 Kerangka Teoretis

- 8.1 Faktor etnik akan mencorakkan tingkah laku ahli kumpulan itu.
- 8.2 Pengaruh etnik menentukan dan saling bertindak dengan pengaruh-pengaruh lain.
- 8.3 Pendekatan pertama dipengaruhi oleh Furnivall dan sarjana Sains Sosial.

- 8.4 Pendekatan kedua dipengaruhi oleh penteorii pilihan rasional, iaitu ikatan individu dan kumpulan.

9.0 Kerangka Konseptual

- 9.1 Kelompok etnik, jati diri, dan mekanisme penyesuaian sosial
9.2 Batas etnik nipis: perhubungan silang budaya dan kemampuan melintasi batas etnik
9.3 Wacana negara idaman: Ketuanan Melayu Raya, Ketuanan Melayu Islam, Ketuanan Melayu, *Malaysian* Malaysia, Ketuanan Melayu dalam masyarakat pelbagai budaya
9.4 Penggemblerangan etnik dan agama dalam persaingan mengejar ganjaran material dan kedudukan sosial
9.5 Pelampau dan chauvinis etnik dan agama

10.0 Ideologi Perhubungan Etnik

- 10.1 Ideologi ketuanan etnik - wacana pramerdeka
10.1.1 Ketuanan Melayu Raya
10.1.2 Ketuanan Melayu Islam
10.1.3 Ketuanan Melayu
10.2 Ideologi kecairan etnik - satu utopia
10.3 Masyarakat pelbagai budaya - hegemoni satu kumpulan etnik dalam masyarakat pelbagai budaya
10.4 Masyarakat multietnik - peluang dan kedudukan sama rata antara kumpulan etnik

11.0 Tahap Perhubungan Etnik

- 11.1 Akomodasi
11.2 Integrasi - ketuanan etnik dalam pelbagai budaya
11.2.1 Integrasi kebudayaan - makan, minum, dan pakaian
11.2.2 Integrasi sekunder - ekonomi, pendidikan, pekerjaan, dan kediaman
11.2.3 Integrasi primer - kebajikan dan keagamaan
11.3 Asimilasi - masyarakat multietnik
11.3.1 Asimilasi perkahwinan antara etnik dan agama

12.0 Metodologi Kajian

- 12.1 Pendekatan kuantitatif
12.1.1 Sembilan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)
12.2 Pendekatan kualitatif
12.2.1 Sesi percambahan fikiran
12.2.2 Wawancara kumpulan fokus di kalangan pelajar
12.2.3 Pemerhatian aspek kehidupan tertentu
12.2.4 Profil sejarah hidup pelajar terpilih

13.0 Kawasan Kajian dan Kriteria Pemilihan

Universiti yang dikaji dan kriteria pemilihan adalah seperti berikut:

- 13.1 Universiti Utara Malaysia - masyarakat luar bandar dan majoriti kaum Melayu
- 13.2 Universiti Sains Malaysia - masyarakat kosmopolitan dan majoriti kaum Cina
- 13.3 Universiti Malaya/Universiti Putra Malaysia - masyarakat kosmopolitan dan pelbagai kaum
- 13.4 Universiti Teknologi Malaysia/Universiti Pendidikan Sultan Idris-masyarakat kosmopolitan dan majoriti kaum Melayu
- 13.5 Universiti Malaysia Sabah/Universiti Malaysia Sarawak - masyarakat dipengaruhi pengaruh wilayah dan masyarakat bumiputera pelbagai subetnik dan agama
- 13.6 Universiti Kebangsaan Malaysia - simbol perjuangan jati diri dan tamadun Melayu

Untuk tujuan perbandingan, dua IPTS telah dipilih, iaitu Universiti MultiMedia dan Kolej INTI – penemuan di LAMPIRAN 2

14.0 Saiz Sampel Pelajar

	Jumlah Sasaran	Jumlah Diperoleh	Peratus
UUM	1,000	781	78%
USM	1,400	1,435	103%
UM	980	544	56%
UTM	905	1,429	158%
UMS	492	537	109%
UNIMAS	249	177	71%
UKM	824	238	29%
UPSI	480	273	57%
UPM	<u>1,044</u>	<u>891</u>	85%
JUMLAH	7,374	6,389	

Jumlah sampel lima peratus.

15.0 Profil Responden

- **Jantina:** Lelaki 33 peratus dan Perempuan 67 peratus
- **Etnik:** Melayu 63 peratus, Cina 26 peratus, Bumiputera Lain enam peratus, dan India empat peratus
- **Status Atas:** Melayu 14 peratus, Cina 14 peratus, India 14 peratus, dan Bumiputera Lain lapan peratus
- **Status Bawah:** Bumiputera Lain 57 peratus, Melayu 51 peratus, India 47 peratus, dan Cina 43 peratus

16.0 Kursus Pengajian

	Melayu/ Bumiputera Islam	Bumiputera Lain	Cina	India
Sains	41%	34%	35%	25%
Sastera	48%	60%	57%	64%
Pengurusan	11%	6%	8%	11%

17.0 Tahun Pengajian

	Melayu/ Bumiputera Islam	Bumiputera Lain	Cina	India
Tahun 1	29%	29%	49%	44%
Tahun 2	33%	49%	24%	20%
Tahun 3	27%	18%	25%	24%
Tahun 4	11%	4%	2%	12%

18.0 Data dan Analisis Data

- 18.1 Kajian mendapati integrasi etnik wujud di kalangan pelajar pelbagai etnik di IPTA
- 18.1.1 Batas etnik nipis
- 18.1.2 Ikatan kewarganegaraan, perkongsian nilai dan pendapat, dan etos identiti dan bangsa Malaysia terbina
- 18.2 Peluang, proses, pencapaian akademik, dan kehidupan di kampus tidak diwarnai perkiraan etnik

19.0 Integrasi Etnik di IPTA

- 19.1 Wujud penerimaan, persefahaman, perkongsian, pengiktirafan, dan perayaan masyarakat pelbagai budaya di Malaysia.
- 19.2 Kejayaan integrasi etnik di IPTA mesti terus dipupuk, diurus, diperkukuh, dan dipertingkatkan.
- 19.3 Budaya menerima integrasi etnik yang tersedia ada mesti diketepikan.

20.0 Isu dan Cadangan Tindakan

20.1 Objektif

- 20.1.1 Mengukur integrasi dan batas etnik.
- 20.1.2 Mengenal pasti identiti kebangsaan, perkongsian pendapat, dan etos bangsa Malaysia.

20.2 Isu 1

- 20.2.1 Kebanyakan pelajar di IPTA didapati tidak menyedari tentang perubahan sosial dalam masyarakat, dan kesannya ke atas arah dan tahap perpaduan negara.
(Penemuan kajian merujuk TEKS LAPORAN Bab 9 dan 10)

20.3 **Implikasi dasar**

20.3.1 Dicapadangkan supaya perpaduan negara dan integrasi nasional dijadikan dimensi tambahan dalam Falsafah Pendidikan Negara.

20.3.2 Dicapadangkan juga supaya perpaduan negara dan integrasi nasional dijadikan sebagai dimensi tambahan dalam Visi dan Misi IPT.

20.4 **Pelaksanaan**

20.4.1 Menawarkan kursus perhubungan etnik sebagai kursus teras universiti untuk memberi kefahaman tentang masyarakat pelbagai budaya, etnik dan agama di Malaysia.

20.4.2 Memperkukuh pelaksanaan Kelab Perpaduan di IPT demi merapatkan hubungan etnik di IPT.

20.4.3 Cadangan untuk menubuhkan Institut Tadbir Urus Pelajar dan Komuniti Pelbagai Budaya di bawah Kementerian Pengajian Tinggi.

20.4.4 Memperbanyak penyelidikan pengurusan masyarakat pelbagai budaya dan etnik di IPT.

20.5 **Tindakan**

20.4.1 Kementerian Pengajian Tinggi

20.4.2 Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

21.1 **Objektif**

21.1.1 Mengenal pasti faktor utama yang menjadi penyumbang kepada gejala polarisasi kaum di IPTA.

21.2 **Isu 2**

21.2.1 Prasekolah dan sekolah rendah dalam aliran bahasa yang berbeza mengikut etnik.

21.2.2 Penggunaan dan penguasaan bahasa yang berbeza mengikut etnik: Melayu/Bumiputera dwibahasa, Cina, India pelbagai bahasa.

(Penemuan kajian merujuk TEKS LAPORAN Bab 3)

21.3 **Pelaksanaan**

21.3.1 Menawarkan mata pelajaran masyarakat pelbagai budaya di sekolah.

21.3.2 Menawarkan dan syaratkan pembelajaran satu bahasa etnik utama lain di negara ini untuk dipilih oleh pelajar di sekolah.

21.3.3 Memperkemas Kelab Perpaduan di sekolah.

21.3.4 Sekolah Wawasan mesti diperkemas.

21.4 **Tindakan**

21.4.1 Kementerian Pelajaran

21.4.2 Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

22.1 **Objektif**

22.1.1 Memerhatikan bentuk dan intensiti perhubungan antara kumpulan etnik semasa kegiatan pembelajaran, kokurikulum, dan kehidupan di kampus.

22.2 **Isu 3**

22.2.1 Mengimbangi jumlah pelajar mengikut etnik bagi setiap pengkhususan pengajian di IPTA.

22.3 **Implikasi Dasar**

22.3.2 Kemasukan ke IPT mesti berdasarkan meritokrasi dengan pengimbangan agihan mengikut kriteria tertentu.

(Penemuan kajian merujuk TEKS LAPORAN Bab 3 dan 8)

22.4 **Pelaksanaan**

22.4.1 Kemasukan ke IPT dan bidang pengajian mesti berdasarkan meritokrasi. Namun begitu, kemasukan ini perlu diimbangi dengan mengambil kira Kedudukan Hak Istimewa Melayu-Bumiputera, keperluan tenaga manusia dalam bidang yang kritikal dalam negara, kedudukan sosioekonomi, desa dan wilayah mundur, terpinggir, dan miskin.

22.5 **Tindakan**

22.5.1 Kementerian Pengajian Tinggi

23.1 **Objektif**

23.1.1 Memerhatikan bentuk dan intensiti perhubungan antara kumpulan etnik semasa kegiatan pembelajaran, kokurikulum, dan kehidupan di kampus.

23.2 **Isu 4**

23.2.1 Didapati wujud jurang budaya ilmu mengikut etnik, desa, dan wilayah di kalangan pelajar di IPTA.

23.2.2 Pelajar di IPTA tidak menyedari perubahan sosioekonomi dalam masyarakat dan kesannya ke atas etnik dan wilayah dari segi pekerjaan dan pendapatan.

(Penemuan kajian merujuk TEKS LAPORAN Bab 3 dan 8)

23.3 **Pelaksanaan**

23.3.1 Kursus pemikiran kritis di IPT perlu diperkemas.

23.3.2 Latihan Ilmiah mesti dijadikan syarat pengijazahan Sarjana Muda bagi mengukuhkan perkembangan minda akademik pelajar.

23.3.3 Tempoh Pengijazahan Sarjana Muda diubah daripada tiga kepada empat tahun bagi mengukuhkan perkembangan minda dan perhubungan antara pelajar.

23.3.4 Peningkatkan penyelidikan dan penerbitan dengan menyalurkan geran dan ganjaran penyelidikan kepada pensyarah-penyelidik di IPT.

23.4 **Tindakan**

23.4.1 Kementerian Pengajian Tinggi

24.1 **Objektif**

24.1.1 Memerhatikan bentuk dan intensiti perhubungan antara kumpulan etnik semasa kegiatan pembelajaran, kokurikulum, dan kehidupan di kampus.

24.2 **Isu 5**

- 24.2.1 Didapati wujud sedikit jurang integrasi dalam hubungan antara etnik, terutamanya di kalangan pelajar Melayu dengan Cina di IPT.
(*Penemuan kajian merujuk TEKS LAPORAN Bab 8, 9, dan 10*)

24.3 **Pelaksanaan**

- 24.3.1 Kursus tadbir urus pelajar dan masyarakat pelbagai budaya perlu diadakan bagi barisan kepimpinan pelajar di IPT.
- 24.3.2 Kukuhkan amalan tutorial dan tugas kursus berkumpulan berdasarkan percampuran etnik di IPT.
- 24.3.3 Projek khidmat masyarakat yang dianjurkan oleh IPT mesti melibatkan setiap pelajar, minimum sekali semasa pengajian peringkat Sarjana Muda mereka.

24.4 **Tindakan**

- 24.4.1 Kementerian Pengajian Tinggi

25.1 **Objektif**

- 25.1.1 Memerhatikan bentuk dan intensiti perhubungan antara kumpulan etnik semasa kegiatan pembelajaran, kokurikulum, dan kehidupan di kampus.

25.2 **Isu 6**

- 25.2.1 Jenis persatuan pelajar dan kadar penglibatan dalam pergerakan pelajar didapati berbeza mengikut etnik.
(*Penemuan kajian merujuk TEKS LAPORAN Bab 6*)

25.3 **Pelaksanaan**

- 25.3.1 Memberikan ganjaran kewangan tambahan dan anugerah perpaduan kepada individu dan persatuan yang memupuk perpaduan di IPT.
- 25.3.2 Penglibatan pelajar dalam persatuan pelajar perlu diagihkan mengikut etnik.
- 25.3.3 Setiap pelajar diwajibkan untuk melibatkan diri, minimum, dalam dua persatuan pelajar.

25.4 **Tindakan**

- 25.4.1 Kementerian Pengajian Tinggi

26.1 **Objektif**

- 26.1.1 Memerhatikan bentuk dan intensiti perhubungan antara kumpulan etnik semasa kegiatan pembelajaran, kokurikulum, dan kehidupan di kampus.

26.2 **Isu 7**

- 26.2.1 Pelajar lebih berminat tinggal bersama rakan seetnik dan seagama
(*Penemuan kajian merujuk TEKS LAPORAN Bab 7*)

26.3 **Implikasi Dasar**

26.3.1 Dasar penempatan pelajar di asrama mesti mewajibkan setiap pelajar tinggal, minimum, satu sesi akademik dengan pelajar daripada etnik dan agama lain sebagai syarat pengijazahan.

26.4 **Pelaksanaan**

26.4.1 Memberikan peluang kepada pelajar dalam memilih rakan sebilik dengan memberikan ganjaran dari segi mengurangkan kos biaya asrama bagi mereka yang memilih rakan sebilik daripada etnik dan agama lain.

26.4.2 Minggu suai kenal mesti mengambil kira pendedahan, pergaulan, dan kegiatan yang melibatkan hubungan antara etnik dan agama.

26.5 **Tindakan**

26.5.1 Kementerian Pengajian Tinggi

27.1 **Objektif**

27.1.1 Memerhatikan bentuk dan intensiti perhubungan antara kumpulan etnik semasa kegiatan pembelajaran, kokurikulum, dan kehidupan di kampus.

27.2 **Isu 8**

27.2.1 Makanan di kantin IPT tidak menepati cita rasa etnik pelajar
(*Penemuan kajian merujuk TEKS LAPORAN Bab 6 dan 7*)

27.3 **Implikasi Dasar**

27.3.1 Dasar penawaran tender kepada pengusaha kantin perlu mengambil kira penyediaan makanan mengikut cita rasa pelbagai etnik.

27.4 **Pelaksanaan**

27.4.1 Penerima tender kantin mesti disyaratkan untuk menyediakan makanan mengikut cita rasa pelbagai etnik.

27.5 **Tindakan**

27.5.1 Kementerian Pengajian Tinggi

28.1 **Objektif**

28.1.1 Memerhatikan bentuk dan intensiti perhubungan antara kumpulan etnik semasa kegiatan pembelajaran, kokurikulum, dan kehidupan di kampus.

28.2 **Isu 9**

28.2.1 Ahli politik, media massa dan ibu bapa didapati berperanan dalam membentuk persepsi baik atau buruk pelajar di IPT.
(*Penemuan kajian merujuk TEKS LAPORAN Bab 8*)

28.3 **Implikasi Dasar**

28.3.1 Dicapai supaya Akta Perhubungan Etnik digubal dan dilaksanakan di negara ini.

28.4 **Pelaksanaan**

28.4.1 Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) perlu berkerja sama dalam membina perpaduan di sekolah.

28.4.2 Kursus pengurusan masyarakat pelbagai budaya diberikan kepada pemimpin masyarakat, seperti ahli politik, media dan persatuan-persatuan di negara ini oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

28.5 **Tindakan**

28.5.1 Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

28.5.2 Kementerian Pelajaran

29.1 **Objektif**

29.1.1 Memerhatikan bentuk dan intensiti perhubungan antara kumpulan etnik semasa kegiatan pembelajaran, kokurikulum, dan kehidupan di kampus.

29.2 **Isu 10**

29.2.1 Prestasi khidmat dan budaya kerja di kalangan staf pengurusan universiti didapati tidak berkesan dalam menguruskan pelajar di IPT.

(Penemuan kajian merujuk TEKS LAPORAN Bab 5)

29.3 **Pelaksanaan**

29.3.1 Tahap profesionalisme kerja di kalangan pihak pengurusan IPT perlu ditingkatkan.

29.3.2 Pusat Latihan Pengurusan IPT perlu ditubuhkan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi.

29.3.3 Pekerja perkhidmatan kaunter di IPT mesti dilatih dengan kemahiran mengurus pelanggan, khususnya pelajar pelbagai budaya dan etnik.

29.4 **Tindakan**

29.4.1 Kementerian Pengajian Tinggi

30.0 **Kesimpulan**

30.1 Data kerja lapangan dan kualitatif melalui perbincangan kumpulan, naratif, dan sejarah hidup menunjukkan integrasi etnik wujud di kalangan pelajar tanpa mengira etnik di IPTA.

30.2 Sebagai perbandingan, seramai 391 orang pelajar daripada Universiti MultiMedia dan Kolej INTI (dua IPTS) telah dikaji. Diperhatikan bahawa dalam kajian terhadap IPTS, perihal identiti kebangsaan dan etos bangsa lebih terbina tetapi secara relatifnya peratusan adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan pelajar IPTA.

30.3 Namun, kejayaan yang dicapai perlu disuburkan, diperkukuh, dan dipertingkatkan.